



## **DASAR KUALITI, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

Adalah menjadi dasar Jabatan Penerangan Malaysia untuk secara berterusan mempertingkatkan kualiti produk, perkhidmatan serta prestasi keselamatan dan kesihatan kakitangannya disamping mereka yang berkaitan.

Pihak pengurusan dan kakitangannya akan sama-sama berusaha untuk mencegah sebarang potensi ketidakakuran produk dan perkhidmatannya serta sebarang kemungkinan kecederaan dan penyakit dari insiden yang berlaku di tempat kerja.

Jabatan ini juga akan:

- Menyediakan dan menyenggara sesuatu tempat dan sistem kerja yang berkualiti, selamat serta sihat dari sebarang hazard dan risiko;
- Mempastikan bahawa semua kakitangan mendapat maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan betul, berkualiti, selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- Untuk menyiasat semua ketidakakuran produk dan perkhidmatannya, insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan kejadian berbahaya serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan ianya tidak berulang lagi;
- Untuk mengenalpasti, mematuhi kehendak-kehendak pelanggan, perundangan dan lain-lain keperluan seperti yang ditetapkan di dalam Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturannya dan tataamalan industri yang diluluskan,
- Mempromosikan dan mencapai objektif kualiti, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, prosedur kerja, peraturan-peraturan dan garis panduan-garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerjajanya diseluruh negara,

Untuk memastikan pelaksanaan dasar ini, sistem pengurusan kualiti dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan diwujudkan, dilaksanakan dan diselenggarakan di Jabatan ini.

(DATO' HAJI IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN)

KETUA PENGARAH

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

TARIKH : 30 MEI 2018